



99 Speedmart Teruskan Tradisi Ceriakan Sambutan Ramadan, Syawal Golongan Kurang Bernasib Baik

04/04/2025 11:08 AM



Kredit : 99 Speed Mart Sdn Bhd

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- 99 Speed Mart Sdn Bhd (99 Speedmart), rangkaian pasar raya mini utama di Malaysia, sekali lagi menyantuni golongan kurang bernasib baik dengan mengedarkan 10,000 bakul makanan Aidilfitri bernilai RM500,000.

Dalam kenyataannya, 99 Speedmart memaklumkan bakul makanan tersebut diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menurut kenyataan itu simbolik majlis penyerahan bagi 1,700 daripada 10,000 bakul makanan tersebut dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri pada 24 Mac lepas di Dewan Nur Dewan Perdana Nur, Putrajaya, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Sementara itu, Ketua Pengawai Operasi 99 Speedmart Yong Eng Kwang dalam kenyataan sama berkata program pengagihan bakul makanan Aidilfitri itu menjadi inisiatif utama syarikat dalam membantu meringankan beban kumpulan sasar.

"Ini adalah cara kami untuk menyatakan terima kasih kepada mereka kerana terus memilih 99 Speedmart sebagai kedai yang sentiasa dikunjungi bagi mendapatkan keperluan asas. 99 Speedmart akan meneruskan aktiviti tahunan ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada rakyat Malaysia," katanya.

Beliau menambah setiap bakul makanan tersebut mengandungi barangan keperluan asas isi rumah, terutama untuk persiapan Aidilfitri seperti biskut, bihun, minuman, tepung, kurma dan ketupat.

Yong berkata selain untuk Ramadan, bakul makanan turut diagihkan semasa sambutan Tahun Baharu Cina Deepavali dan Krismas.

"Ini merupakan kali kesembilan rangkaian pasar raya mini ini, yang mengendalikan 2,833 cawangan di seluruh negara, menganjurkan inisiatif tersebut selaras dengan slogan kami 'Dekat Lagi Murah' (*Near n' Save*)," katanya yang berharap pengagihan bakul makanan itu dapat membawa kegembiraan kepada mereka yang menyambut Lebaran serta mengeratkan hubungan dalam masyarakat.

Bakul makanan tersebut diagihkan kepada golongan B40 dengan kerjasama komuniti setempat bersama kementerian, agensi, jabatan, dan persatuan.

Antara penerima sumbangan itu ialah Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, dan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Penerima lain termasuk Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Majlis Agama Islam Terengganu dan Adat Melayu Terengganu, dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Selain itu, pelbagai agensi dan organisasi kerajaan turut menerima bakul makanan, termasuk Kementerian Pertahanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Kelab Anak-Anak Pulau Pinang, Majlis Daerah Kuala Langat, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Perak, Jabatan Kerja Raya Kedah, St. John Ambulance Malaysia (Selangor), dan Pejabat Pendidikan Daerah Klang.

-- BERNAMA